**Pengumuman**

Langkah-langkah untuk membantu pelanggan kad kredit yang terjejas oleh COVID-19

Berikutan pandemik COVID-19, Bank Negara Malaysia telah pada 24 Mac 2020 mengumumkan langkah-langkah tambahan untuk membantu peminjam/pelanggan yang terkesan dengannya. Kami benar-benar berharap langkah-langkah yang berikut akan memberi relif kepada pelanggan kami yang menghadapi masalah kewangan untuk menghadapi cabaran semasa tempoh ini.

**PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU MENGENAI BAKI BELUM JELAS KAD KREDIT ANDA**

1. Pindahan baki kad kredit
   a) Baki penyata anda pada waktu pindahan boleh ditukarkan kepada pinjaman bertempoh tidak melebihi tiga (3) tahun pada kadar faedah efektif sebanyak 13% setahun. Sila **mohon di sini**.

   ATAU

   b) Sekiranya anda tidak membuat pembayaran balik minimum bulanan bagi kad kredit anda 3 bulan berturut-turut selama (tidak melebihi 90 hari), Bank secara **AUTOMATIK** akan menukar baki belum jelas itu kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh selama tiga (3) tahun pada kadar faedah efektif sebanyak 13% setahun. Ini diterima pakai ke atas semua pemegang kad semua peringkat pendapatan. Penukaran secara automatik itu hanya akan dibuat sekali sahaja.

2. Baki belum jelas yang ditukarkan kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh dianggap sebagai sebahagian daripada had kad kredit anda. Anda boleh menggunakan baki had kredit kad kredit anda itu.

3. Ansuran bulanan bagi pinjaman/pembiayaan bertempoh baharu anda itu akan menjadi sebahagian daripada amaun pembayaran balik bulanan minimum kad kredit tersebut.

4. Individu yang dikategorikan sebagai M40 dan didaftarkan dalam pangkalan data Bantuan Prihatin Nasional (BPN) boleh memohon untuk pengurangan amaun bayaran balik selama 6 bulan daripada pinjaman/pembiayaan bertempoh yang berkadar dengan pengurangan dalam pendapatan. Untuk memohon, **KLIK di sini.**

5. Individu yang dikategorikan sebagai B40 dan didaftarkan dalam pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH) boleh memohon penangguhan selama 3 bulan atau pengurangan selama 6 bulan (50%) dalam pembayaran balik amaun pinjaman/pembiayaan bertempoh berkenaan. Untuk memohon, **KLIK di sini.**

6. Rekod CCRIS anda tidak akan terjejas.

Maklumkan kepada kami sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut. Sila hubungi kad kredit Talian *Hunting*, Meja Bantuan Public Bank @ 03 – 2176 8222 dari hari Isnin hingga Jumaat (8.45 pagi hingga 5.45 petang).